

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian akan menaikkan amaun pegangan wang cagaran (*security deposit*) yang perlu dibayar oleh Lynas daripada US\$50 juta yang telah diterima setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) mengenakan syarat bayaran cagaran bagi lesen terhadap Lynas (Malaysia) Sdn Bhd mengikut peruntukan Seksyen 18 Akta 304.

Pada 12 April 2012, AELB telah mengemukakan permohonan mewujudkan akaun deposit (870110) dengan nama “Akaun Deposit Lynas & Cost Regulatory Recovery Fee” kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Kemudian pada 15 Januari 2013 AELB telah memohon untuk mengemaskini akaun “Deposit Lynas & Cost Regulatory Recovery Fee” bagi tujuan berikut:

- a. Sebagai *financial security* yang akan dipegang oleh Jabatan AELB. Akan ditolak keluar bagi menjelaskan pembayaran apa-apa perbelanjaan berkaitan syarat lesen yang dikeluarkan kepada

NO. SOALAN : 44

syarikat Lynas (M) Sdn Bhd dan sebagai menampung ‘cost regulatory fee’ jika diperlukan;

- b. Sebagai *financial security* yang akan dipegang oleh jabatan AELB. Akan ditolak sekiranya berlaku kejadian kehilangan punca radioaktif.

Jumlah bayaran cagaran yang ditetapkan menerusi permohonan yang dibuat Lembaga adalah sebanyak USD 50 juta. Pada masa ini Lembaga tidak bercadang untuk menaikkan jumlah cagaran tersebut.

Sekian, terima kasih.